

## **SOALAN LAZIM: TAMBAHAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK**

**Q : Apakah yang dimaksudkan tambahan penangguhan pembayaran balik pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN?**

**A :** Ia adalah tambahan penangguhan bayaran balik selama 3 bulan ( September 2020 - November 2020 ) kepada usahawan yang telah menerima penangguhan 6 bulan sebelum ini yang masih terjejas dengan pandemik COVID-19.

**Q : Apakah kriteria kelayakan tambahan penangguhan ini dan bilakah bermulanya penangguhan ini?**

**A :** Tambahan penangguhan ini boleh dimohon oleh usahawan tidak tertunggak melebihi enam ( 6 ) bulan pada 29 Februari 2020. Ianya adalah tambahan penangguhan kepada usahawan yang telah menerima penangguhan 6 bulan sebelum ini.

**Q : Apakah yang perlu dilakukan oleh usahawan untuk mendapatkan penangguhan ini?**

**A :** Usahawan perlu melengkapkan Borang JPBB/BORANG/13 dan mengemukakan kepada Pejabat TEKUN Cawangan. TEKUN tidak melantik mana-mana agen atau pihak ketiga untuk proses tambahan penangguhan ini.

**Q : Bolehkah saya memohon tambahan penangguhan ini bersekali dengan penjadualan semula pembiayaan?**

**A :** Anda boleh memohon penangguhan ini bersekali dengan penjadualan semula pembiayaan dengan melengkapkan Borang JPBB/BORANG/13. Walau bagaimanapun, usahawan yang telah menjadualkan semula pembiayaan menerusi PS 2.0 tidak boleh menjadualkan lagi pembiayaan mereka. Sila rujuk Pejabat Cawangan untuk semakan / maklumat lanjut.

**Q : Adakah semua produk pembiayaan TEKUN boleh memohon tambahan penangguhan ini?**

**A :** Semua produk pembiayaan layak memohon KECUALI produk Kontrak-i, Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro – COVID ( CBRM ), semua Skim Mobilepreneur dan Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN ( TBRSS ).

**Q :** Bolehkah saya meneruskan pembayaran seperti biasa sepanjang tempoh tambahan penangguhan ini?

**A :** Anda boleh membuat meneruskan pembayaran menerusi Aplikasi TEKUN Pay (mobile apps), perbankan internet, CDM dan saluran pembayaran TEKUN yang lain.

**Q :** Adakah Cek Tarikh Tertunda ( Post Dated Cheque ) saya akan ditunaikan sepanjang tempoh penangguhan ini atau akan ditunaikan sekaligus

**A :** Semua Cek Tarikh Tertunda ( Post Dated Cheque ) bagi sepanjang tempoh tambahan ini akan ditangguhkan. Cek-cek ini akan ditunaikan mengikut urutan bermula pada Disember 2020 seperti jadual berikut :

Tarikh Cek Tertunda	Tarikh Ditunaikan Di Bank	
	Penangguhan 6 bulan ( Mac – Ogos 2020 )	Tambahan Penangguhan 3 bulan ( September – November 2020 )
Mac 2020	September 2020	Batal ( Melebihi tempoh sah laku cek )
April 2020	Oktober 2020	
Mei 2020	November 2020	
Jun 2020	Disember 2020	
Julai 2020	Januari 2021	
Ogos 2020	Februari 2021	
September 2020	Mac 2021	
Oktober 2020	April 2021	
November 2020	Mei 2021	

**Q :** Adakah rekod pembayaran balik saya akan terjejas dengan tambahan penangguhan ini?

**A :** Tidak, rekod pembayaran balik anda tidak terjejas sepanjang tempoh tambahan penangguhan ini.

**Q : Adakah saya dikenakan sebarang caj kerana tambahan penangguhan ini.**

**A : Tiada sebarang caj tambahan dikenakan sepanjang tambahan penangguhan ini.**

**Q : Adakah tempoh pembiayaan saya akan sama seperti asal atau dipanjangkan?**

**A : Tempoh pembiayaan anda akan dipanjangkan lagi untuk 3 bulan. Ini menjadikan tempoh pembiayaan telah dipanjangkan selama 9 bulan dengan mengambilkira penangguhan 6 bulan dan tambahan penangguhan 3 bulan**

**Q : Apakah yang perlu saya buat selepas berakhirnya tempoh 3 bulan tambahan penangguhan tersebut?**

**A : Setelah tamat tempoh tambahan penangguhan tersebut, pembayaran balik pembiayaan perlu dibuat seperti biasa ( mulai Disember 2020 ).**

**Q : Sekiranya saya bertunggakan melebihi 6 bulan pada Februari 2020 ( tidak layak penangguhan ), apakah bantuan yang boleh diberikan oleh TEKUN?**

**A : Sekiranya anda bertunggakan melebihi 6 bulan pada Februari 2020, anda dinasihatkan untuk membayar tunggakan tersebut atau membuat penjadualan semula pembiayaan di Pejabat TEKUN Cawangan.**

**Q : Bilakah tarikh akhir permohonan tambahan penangguhan ini?**

**A : Tarikh akhir bagi permohonan tambahan penangguhan ini adalah pada 30 September 2020.**